




"MENCORAK MASA DEPAN"

"SHAPING THE FUTURE"



LAPORAN TAHUNAN 2006

ANNUAL REPORT



RASIONAL
REKABENTUK
KULIT LUAR

“MENCORAK MASA DEPAN”

Satu alatan asas yang dipilih untuk menggambarkan bahawa sesuatu kejayaan itu bermula dengan permulaan yang sederhana. Selain itu, ia turut melambangkan imej sebuah bank yang berdinamik, menjanjikan potensi yang tidak terbatas dan memenuhi segenap keperluan pelanggannya. Bahagian hujung pensel yang tajam pula bermaksud fokus sepenuhnya adalah asas kepada kejayaan bank ini.

BANK SIMPANAN NASIONAL



LAPORAN TAHUNAN 2006

KANDUNGAN

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH <i>BOARD OF DIRECTORS</i>	002
PENGURUSAN <i>SENIOR MANAGEMENT</i>	003
SENARAI AHLI JAWATANKUASA <i>LIST OF COMMITTEES APPOINTED BY THE BOARD MEMBERS</i>	004
KENYATAAN PENERUSI	006 - 009
LAPORAN AKTIVITI	010 - 013
PENYATA KEWANGAN	014
<ul style="list-style-type: none">• SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006	016
<ul style="list-style-type: none">• PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL	017
<ul style="list-style-type: none">• PENYATA PENERUSI DAN SALAH SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH	018
<ul style="list-style-type: none">• LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006	019-020
<ul style="list-style-type: none">• LEMBARAN IMBANGAN	021
<ul style="list-style-type: none">• PENYATA PENDAPATAN	022
<ul style="list-style-type: none">• PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB	023 - 024
<ul style="list-style-type: none">• PENYATA ALIRAN TUNAI	025 - 027
<ul style="list-style-type: none">• NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	028 - 097



AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS


Y.BHG. DATO' ABDUL
AZIM MOHD ZABIDI

Pengerusi
Chairman



EN. IBRAHIM
MAHALUDIN PUTEH

Ahli
Member



Y.BHG. DATO'
DR. HALIM MAN

Ahli
Member



Y.BHG. DATO'
DR. CYRUS
VIMALAKUMAR DAS

Ahli
Member



Y.BHG. DATO' MOHD
ALI ABD SAMAD

Ahli
Member



Y.BHG. DATO'
GAN MIEW CHEE @
GAN KHUAN POH

Ahli
Member



EN. TAJUDDIN ATAN

Ahli
Member



Y.BHG. DR.
A. MANAF HUSSIN

Ahli Silih Ganti
Alternate Member

PENGURUSAN

SENIOR MANAGEMENT

TAJUDDIN BIN ATAN

**Pengurus Besar/
Ketua Eksekutif**
*General Manager/
Chief Executive*



JAMALUDDIN BIN
NOR MOHAMAD

**Timbalan
Pengurus Besar**
(Operasi Perbankan
Dan Pelaburan)
*Deputy General Manager
(Banking Operation
And Investment)*



NORAZIAN BINTI
AHMAD TAJUDDIN

Pengarah
(Pengurusan Risiko)
*Director
(Risk Management)*



HASAN BIN
MOHAMED

**Perbendaharaan
& Pelaburan**
Treasury & Investment



TAN LEE NOI

Teknologi Maklumat
*Information
Technology*



M ZAUKIFELE
BIN IBRAHIM

Khidmat Bayaran
Payment Services



HIZAMUDDIN BIN
JAMALLUDDIN

Khidmat Korporat
Corporate Services



AHMAD LATFAN BIN
MOHD AMRAN

Audit
Audit



ZAKARIA BIN SAAD

Pengurusan Kredit
Credit Management



YUNOS BIN ABD
GHANI

Perbankan Cawangan
Branch Banking



KHAIRUDDIN BIN
JAFLUS

Mikro Kewangan
Micro Finance



NORDIN BIN AHMAD

Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource Management

SENARAI AHLI JAWATANKUASA YANG DILANTIK OLEH AHLI LEMBAGA

LIST OF COMMITTEES APPOINTED BY THE BOARD MEMBERS

JAWATANKUASA AUDIT AUDIT COMMITTEE

- Y.Bhg Dato' Dr. Cyrus Vimalakumar Das
(Pengerusi/Chairman)
- Y.Bhg Dato' Mohd Ali Abd Samad
- Encik Ibrahim Mahaludin Puteh

JAWATANKUASA RISIKO RISK COMMITTEE

- Y.Bhg Dato' Abdul Azim Mohd Zabidi
(Pengerusi/Chairman)
- Y.Bhg Dato' Gan Miew Chee @ Gan Khuan Poh
- Y.Bhg Dato' Dr. Cyrus Vimalakumar Das
- Y.Bhg Dato' Dr. Halim Man

JAWATANKUASA PENCALONAN NOMINATION COMMITTEE

- Y.Bhg Dato' Mohd Ali Abd Samad
(Pengerusi/Chairman)
- Y.Bhg Dato' Dr. Cyrus Vimalakumar Das
- Y.Bhg Dato' Dr. Halim Man
- Encik Tajuddin Atan
- Encik Ibrahim Mahaludin Puteh

JAWATANKUASA IMBUHAN REMUNERATION COMMITTEE

- Y.Bhg Dato' Gan Miew Chee @ Gan Khuan Poh
(Pengerusi/Chairman)
- Y.Bhg Dato' Mohd Ali Abd Samad
- Y.Bhg Dato' Dr. Halim Man

JAWATANKUASA PELABURAN INVESTMENT COMMITTEE

- Encik Ibrahim Mahaludin Puteh
(Pengerusi/Chairman)
- Y.Bhg Dato' Gan Miew Chee @ Gan Khuan Poh
- Encik Tajuddin Atan

JAWATANKUASA SYARIAH SYARIAH COMMITTEE

- Dr. Mohd Fuad bin Md Sawari
(Pengerusi/Chairman)
- Safinar binti Salleh
- Zainudin bin Ismail
- Ramawan bin Ab Rahman



KENYATAAN Pengerusi

“Mencorak Masa Depan”

BANK SIMPANAN NASIONAL



DATO' ABDUL AZIM MOHD ZABIDI
Pengerusi

“Lanskap kewangan Negara telah berubah secara progresif berikutan rationalisasi institusi sedia ada, pembukaan institusi baru dan pengambilan inisiatif untuk meningkatkan persaingan asing. Penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan telah membantu meningkatkan tahap kecekapan, kapasiti dan keupayaan bagi memenuhi keperluan dan permintaan pengguna yang makin meningkat.”

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.

Ekonomi Malaysia

Tahun 2006 menyaksikan ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan yang semakin kukuh sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dunia.

Asas ekonomi bertambah mantap, pelaburan swasta semakin bertambah dan perbelanjaan pengguna kekal mapan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2006 yang berkembang pada kadar 5.9% (2005: 5.2%) meletakkan negara Malaysia antara yang terbaik di rantau ini. Sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan manakala sektor awam menyediakan persekitaran yang menggalakkan aktiviti ekonomi. Sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian menjadi tunggak kepada pertumbuhan ini.

Lanskap kewangan Negara telah berubah secara progresif berikutan rationalisasi institusi sedia ada, pembukaan institusi baru dan pengambilan inisiatif untuk meningkatkan persaingan asing. Penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan telah membantu meningkatkan tahap kecekapan, kapasiti dan keupayaan bagi memenuhi keperluan dan permintaan pengguna yang makin meningkat. Perubahan ini juga telah menjadikan sektor perbankan domestik lebih berupaya untuk berdaya saing dalam persekitaran yang lebih mencabar. Ini dapat dilihat dari statistik yang menunjukkan industri bank domestik telah menyumbang sebanyak 78% daripada keseluruhan pinjaman, 68.3% daripada pinjaman perumahan, 84.7% daripada pinjaman PKS dan 78.3% dari pinjaman perniagaan di Negara ini.

Prestasi Kewangan

Tahun 2006 menyaksikan BSN terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai Bank yang dipertanggungjawabkan untuk menggalak penabungan di kalangan rakyat Malaysia. Prestasi kewangan BSN kini meletakkannya di landasan yang tepat untuk merealisasikan matlamat jangkamasa panjang untuk menjadi institusi simpanan utama negara.

Bagi Kewangan tahunan berakhir 31 Disember 2006, BSN telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM171 juta. Prestasi BSN tahun ini menunjukkan ianya berjaya mencapai sasaran yang telah dirancang, di mana keuntungan selepas cukai yang diunjurkan ialah hanya sebanyak RM142 juta. Kejayaan disumbangkan dalam hasil dari aktiviti Pelaburan dan aktiviti Pinjaman dan Pendahuluan. Pinjaman Persendirian dan Pinjaman Perumahan adalah penyumbang terbesar kepada peningkatan dalam aset portfolio Bank dan seterusnya kepada keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2006. Jumlah Pinjaman Persendirian dan Pinjaman Perumahan telah meningkat sebanyak 50% dari RM4 billion pada tahun 2005 kepada RM6 billion untuk tahun 2006.

Perkhidmatan GIRO memberi kemudahan kepada pemegang akaun, terutamanya dalam urusan pembayaran bil menerusi arahan tetap atau pengkreditan gaji secara automatik ke dalam akaun mereka. Nilai bagi urusniaga tanpa tunai yang diuruskan melalui sistem ini bagi tahun 2006 berjumlah RM1.1 bilion.

“Prestasi BSN tahun ini menunjukkan ianya berjaya mencapai sasaran yang telah dirancang, di mana keuntungan selepas cukai yang diunjurkan ialah hanya sebanyak RM142 juta.”

Deposit di dalam Skim GIRO meningkat sebanyak 7.1% daripada RM4.2 bilion pada tahun 2005 kepada RM4.5 bilion pada tahun 2006. Skim Wadiah dan Mudharabah mendapat sambutan yang menggalakkan dan merekodkan kenaikan dalam deposit masing-masing daripada RM104 juta dan RM161 juta pada tahun 2005 kepada RM292 juta dan RM180 juta pada tahun 2006.

Kedudukan kewangan operasi Perbankan Islam telah dikenalpasti sebagai satu potensi untuk terus dikembangkan oleh BSN. Dalam tahun 2006, portfolio aset Perbankan Islam telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu dari RM2 bilion dalam tahun 2005 kepada RM3 bilion dalam tahun 2006. Pertumbuhan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 50% dan seterusnya menyumbang kepada keuntungan keseluruhan daripada RM5 juta dalam tahun 2005 kepada RM63 juta dalam tahun 2006. Bagi tahun kewangan 2006 ini juga, BSN telah berjaya mengurangkan kadar Pembiayaan Tidak Berbayar (NPL) sebanyak 55.9%, iaitu dari 7.80% pada tahun 2005 kepada 3.44% pada tahun 2006.

"Kedudukan kewangan operasi Perbankan Islam telah dikenalpasti sebagai satu potensi untuk terus dikembangkan oleh BSN."

Dalam menangani persekitaran yang lebih bersaing, BSN telah memberi tumpuan yang lebih besar terhadap pendekatan yang mengutamakan pelanggan. Strategi ini dilaksanakan sebagai langkah proaktif dalam memenuhi permintaan para pelanggan yang semakin meningkat dan pelbagai. Kini, BSN mempunyai rangkaian perniagaan yang luas dengan 379 buah cawangan dan menawarkan perkhidmatan melalui lebih 600 buah mesin ATM di seluruh negara. Di samping itu, usaha juga dilaksanakan bagi mengukuhkan dan menaiktaraf cawangan-cawangan kami. Kesemua ini dilakukan untuk menjadikan BSN

sebagai sebuah Bank yang dinamik, serba lengkap dan memaksimumkan operasinya untuk perkhidmatan yang lebih efisien.

Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merupakan elemen yang penting dan diberi perhatian oleh pemegang –pemegang kepentingan BSN. Pihak Bank adalah komited kepada usaha mematuhi amalan tadbir urus Korporat yang akan memacu BSN ke arah masa depan yang lebih cemerlang. Asas tadbir urus yang kukuh akan memastikan BSN menjadi institusi kewangan yang mantap dan mendapat sokongan berterusan daripada semua pemegang kepentingan BSN.

Pertukaran Lembaga Pengarah

Kecemerlangan Bank turut bergantung kepada corak kepimpinan yang mendukung nilai-nilai organisasi serta visi untuk perkhidmatan yang cekap dan berdaya maju. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah menjadi elemen utama yang memberi sokongan dan pendapat bernas dalam menjayakan usaha-usaha penambahbaikan yang dilaksanakan.

Dalam tahun 2006 tiada sebarang pertukaran di dalam komposisi keahlian Lembaga Pengarah. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada kesemua rakan sejawat saya di Lembaga Pengarah yang telah sama-sama memberi ide dan pandangan yang bernas dalam menentukan arah tuju perkembangan Bank. Saya percaya sokongan padu ini akan berterusan demi kebaikan semua.

Kata-kata Penutup

Kejayaan yang dikecapi oleh BSN adalah berkat sokongan positif dari pelbagai pihak. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan ke atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua agensi terutamanya Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia.

Tidak lupa juga penghargaan saya kepada Pengurusan dan kakitangan Bank atas usaha dan dedikasi yang telah menyumbang kepada hasil yang memberansangkan buat BSN. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelanggan di atas kesetiaan dan sokongan juga keyakinan yang berterusan terhadap kemampuan kami.



DATO' ABDUL AZIM MOHD ZABIDI
PENGERUSI

“Kecemerlangan Bank turut bergantung kepada corak kepimpinan yang mendukung nilai-nilai organisasi serta visi untuk perkhidmatan yang cekap dan berdaya maju.”



LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN 2006

PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Pelaksanaan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat Pada Bulan Mei 2006

BSN telah berjaya melaksanakan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) Bank Negara Malaysia (BNM) pada bulan Mei 2006. Pihak Bank menyedari akan peri pentingnya alat pengurusan risiko yang mantap dan dapat melihat banyak manfaat diperoleh dalam penggunaan teknologi untuk menyokong proses perniagaannya dan mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko. Keputusan BSN untuk menggunakan sebaik-baiknya perkhidmatan CCRIS BNM banyak menyumbang kepada peningkatan kecekapan operasi dalam proses penilaian pinjaman serta keberkesanan pemeriksaan latar belakang peminjam bagi memastikan kualiti portfolio pinjaman. Lanjutan kepada pelancaran CCRIS di Bank, BSN juga telah memulakan program latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai kreditnya di ibu pejabat dan di peringkat cawangan. BSN yakin bahawa penyelarasan dan pengautomasian fungsi rutin akan membolehkan pekerja menjadi lebih produktif dan memberikan tumpuan kepada tugas bernilai tinggi terutamanya dalam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi.

Prudential BSN Takaful Berhad Dilancarkan

Pada 8 Ogos 2006, Prudential PLC (Prudential) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) melancarkan sebuah syarikat usaha sama takaful yang dinamakan Prudential BSN Takaful Berhad (PBTB). Logo syarikat tersebut juga turut dilancarkan oleh Tetamu Kehormat, Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia dalam satu majlis di Mandarin Oriental Kuala Lumpur. Pemegang saham PBTB, BSN dan Prudential, masing-masing memegang 51 peratus dan 49 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama tersebut.

Usaha sama tersebut menawarkan pelbagai produk simpanan, perlindungan dan pelaburan takaful. Pelancaran PBTB menandakan satu lagi peristiwa penting bagi BSN kerana ia mencerminkan komitmen padu Bank untuk menyediakan pelbagai penyelesaian kewangan berlandaskan prinsip syariah yang lengkap, merangkumi Perbankan Islam dan Takaful yang disesuaikan khusus bagi memenuhi permintaan pengguna. Syarikat ini memenuhi hasrat kerajaan untuk mempercepat kadar

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz di majlis pelancaran Prudential BSN Takaful Berhad.



BSN tuan rumah Kongres Institut
Bank Simpanan Dunia Ke-21
- mengenal pasti peluang di pasaran global



penembusan Takaful dan menawarkan manfaatnya kepada sebahagian besar rakyat Malaysia di kawasan bandar dan juga luar bandar. Produk bank takaful ini akan menggunakan rangkaian cawangan luas BSN dan bilangan pelanggan Bumiputeranya yang besar untuk meluaskan lagi jangkauan syarikat ke dalam pasaran takaful.

Tabung Bistari dan Pelancaran Akaun Giro Bistari

Sejajar dengan mandat BSN untuk menggalakkan dan menggerakkan tabungan serta menanam tabiat berjimat cermat dan menabung, BSN melancarkan Tabung Bistari dan Akaun GIRO Bistari pada 15 Ogos 2006. Pelancaran ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan BSN untuk menggalakkan tabungan di kalangan generasi muda. Tabung Bistari terdapat dalam bentuk 'pokok duit' BSN yang sememangnya telah diketahui ramai atau lebih dikenali sebagai 'Pohon Pitis'. Selain Tabung Bistari, Akaun GIRO Bistari juga telah diperkenalkan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Nama baru ini diberikan sebagai sebahagian daripada cara BSN untuk menarik minat kanak-kanak serta untuk menonjolkan dan mempromosikan akaun tersebut terutamanya di kalangan kanak-kanak. Tabung Bistari, yang diberikan secara percuma kepada kanak-kanak yang membuka Akaun GIRO Bistari dengan simpanan minimum sebanyak RM10.00, terhad kepada kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah sahaja.

BSN Menjadi Tuan Rumah Kongres Institut Bank Simpanan Dunia (WSBI) ke-21

Di peringkat antarabangsa, BSN menjadi tuan rumah Kongres Institut Bank Simpanan Dunia (WSBI) ke-21 bermula dari 20 hingga 22 September 2006. Bertemakan "Savings banks, the retail gateway to a global market - Driving sustainable development", kongres ini telah dihadiri oleh lebih daripada 380 delegasi daripada 55 negara ahli di seluruh dunia. Kongres ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, Senator Tan Sri Nor Mohamed Yacop. Matlamat Kongres ini adalah untuk mengenal pasti peluang besar yang terbuka di pasaran global kepada rangkaian perbankan yang terdekat seperti bank simpanan.

Menjadi tuan rumah bagi Kongres ini di Kuala Lumpur mencerminkan usaha berterusan BSN sebagai sebuah bank simpanan terunggul di Malaysia dalam memenuhi peranan dan mandatnya yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi dan sosial negara. Kongres ini juga membuka peluang untuk mengkaji cabaran akan datang dan inisiatif strategik yang akan memudahkan dan menggerakkan transformasi sosioekonomi negara kita serta memberikan harapan untuk melampaui sempadan domestik bagi merebut peluang yang ada di pasaran serantau dan antarabangsa. En. De Noose, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kongres Institut Bank-Bank Simpanan Sedunia ke 21 telah membentangkan deklarasi Kuala Lumpur hasil kongres tersebut yang akan menjadi dokumen rujukan untuk semua aktiviti Institut tersebut di masa akan datang.

"Menjadi tuan rumah bagi Kongres ini di Kuala Lumpur mencerminkan usaha berterusan BSN sebagai sebuah bank simpanan terunggul di Malaysia dalam memenuhi peranan dan mandatnya yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi dan sosial negara."

Kad kredit Al Aiman yang mematuhi prinsip Syariah dan konsep Bai Al' Inah



Pelancaran Kad Kredit Al Aiman

Pelancaran kad kredit Al Aiman pada 22 Disember 2006 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, Senator Tan Sri Nor Mohamed Yakcop merupakan satu lagi bukti usaha agresif BSN dalam meningkatkan perbankan konvensional dan produk simpanan. Dan pada masa yang sama, BSN ingin mengembangkan secara berterusan produk perbankan Islam untuk memberi pelanggan lebih banyak pilihan bagi memenuhi keperluan perbankan mereka. BSN berhasrat untuk merapatkan jurang antara menjalankan peranan yang telah dimandatkan kepadanya dan memuaskan keperluan pelanggan dengan menyediakan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan yang berinovatif serta berterusan bagi menambah baik kualiti perkhidmatannya. Al Aiman disasarkan untuk orang Islam dan bukan Islam terutamanya kakitangan awam, golongan profesional dan ahli akademik. Urus niaga menggunakan Al Aiman dijalankan dengan mematuhi secara ketat prinsip Syariah dan konsep Bai Al' Inah.

SIMPANAN GENERASI MUDA

Dalam usahanya untuk menanam tabiat menabung di kalangan kanak-kanak, bank meneruskan pelbagai inisiatif termasuk menyokong secara aktif Bank Negara Malaysia dalam program tanggungjawab sosialnya, iaitu Bengkel Kelab Kewangan Pelajar Sekolah dan Kelab Kewangan Pelajar Sekolah (KKPS). KKPS ialah satu program di bawah BNM dengan bantuan Jabatan Pelajaran Negeri serta bank yang mengambil bahagian dan merupakan sebahagian daripada Program Sekolah Angkat untuk membimbing kanak-kanak dalam perancangan dan pengurusan kewangan. Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial BSN, BSN terus menyokong pelbagai inisiatif BNM ke arah menyemai tabiat menabung di kalangan kanak-kanak sekolah.

“Dan pada masa yang sama, BSN ingin mengembangkan secara berterusan produk perbankan Islam untuk memberi pelanggan lebih banyak pilihan bagi memenuhi keperluan perbankan mereka.”



Tabung Bistari BSN menggalakkan tabungan di kalangan generasi muda.



BSN sentiasa mengambil inisiatif untuk menyemai tabiat suka menyimpan di kalangan murid-murid sekolah.

Antaranya termasuklah program yang diadakan di Langkawi pada 19 - 22 Jun 2006, di Klang, Selangor pada 16 - 20 Julai 2006 dan di Cherating, Pahang pada 30 Julai - 3 Ogos 2006. Murid-murid diberikan panduan cara menabung dan juga maklumat tentang Kelab Penabung Muda BSN (Young Savers Club) serta Skim Insentif Tabungan Murid-murid dan Sekolah BSN. Selain aktiviti sosial, BSN juga berpeluang untuk mempromosikan produk BSN kepada guru dan wakil daripada Jabatan Pelajaran Negeri. Pada 3 - 6 April 2006, Pejabat Pelajaran Negeri Perlis menganjurkan 'Bengkel Pengurusan Kelab dan Persatuan' untuk negeri di utara, iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Langkawi, Kedah. BSN Kedah mendirikan sebuah gerai sebagai menyokong acara tersebut dan mengadakan Permainan/Kuiz untuk 360 murid-murid Sekolah Menengah yang mengunjungi gerai tersebut.

“Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial BSN, BSN terus menyokong pelbagai inisiatif BNM ke arah menyemai tabiat menabung di kalangan kanak-kanak sekolah.”

The image shows a close-up of a financial document with a red pencil resting on it. The document contains several rows of numbers, some of which are highlighted in red. The text 'Nota 24' is visible at the bottom of the page.

17,914	131	170,590	304,136	517,435
732,442		177,861	417,110	197,047
517,435				
213,216				
1,771				
(214,800)				
8,703				
131,775				
112,914				

Nota 24



PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN
KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

PENYATA Pengerusi dan
salah seorang ahli lembaga pengarah

Laporan para pengarah
bagi tahun berakhir 31 Disember 2006

Lembaran imbangan

Penyata pendapatan

Penyata perubahan dalam rizab

Penyata aliran tunai

Nota-nota kepada penyata kewangan



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Penyata kewangan Bank Simpanan Nasional bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.


3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2006, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 MAC 2007



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami **DATO' ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI** dan **TAJUDDIN BIN ATAN** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar/Ketua Eksekutif yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas:)
DATO' ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI)



dan

TAJUDDIN BIN ATAN)
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan)
pada **13 MAR 2007**)



Di hadapan saya,



Tingkat Bawah Wisma P.K.N.S.
Jalan Raja Laut,
50653 KUALA LUMPUR.

PENYATA Pengerusi dan Salah Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami **DATO' ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI** dan **TAJUDDIN BIN ATAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2006 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir tersebut.

Bagi pihak Lembaga,


DATO' ABDUL AZIM BIN MOHD ZABIDI
Pengerusi


TAJUDDIN BIN ATAN
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: **13** MAR 2007

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Para Pengarah dengan ini mengambil kesempatan membentangkan laporan mereka dan penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan-kegiatan utama Bank adalah menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman kepada pelanggan-pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Kegiatan-kegiatan utama bagi anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan tersebut di sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN OPERASI

Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat
Belanja cukai dan zakat

Keuntungan bersih tahun semasa

	Kumpulan	Bank
	RM'000	RM'000
	513,715	171,186
	(2,800)	(596)
	510,915	170,590

RIZAB-RIZAB DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab-rizab dan peruntukan-peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan di dalam penyata-penyata kewangan.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang telah berkhidmat sejak tarikh terakhir laporan adalah:

Y.Bhg. Dato' Abdul Azim bin Mohd Zabidi (Pengerusi)
Tajuddin bin Atan
Ibrahim Mahaludin Puteh
Y.Bhg. Dato' Dr. Halim bin Man
Y.Bhg. Dato' Gan Khuan Poh
Y.Bhg. Dato' Dr. Cyrus Vimalakumar Das
Y.Bhg. Dato' Mohd Ali bin Abd Samad
Dr. A. Manaf bin Hussin (silihganti)

Kesemua ahli-ahli Lembaga adalah Para Pengarah Bukan-Eksekutif. Dua daripada Para Pengarah Bukan-Eksekutif adalah juga Para Pengarah bebas. Kesemua ahli-ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

MANFAAT-MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah Bank yang telah menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau terkumpul seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau pendapatan tetap sebagai pekerja sepenuh masa perbadanan induk) disebabkan oleh perjanjian yang dibuat oleh Bank atau pertubuhan yang mempunyai kaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Bank Simpanan Nasional*(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)***LAPORAN PARA PENGARAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006****MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKANUN YANG LAIN**

Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Kumpulan dan Bank disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya ke atas perkara-perkara berikut:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapusira dan peruntukan secukupnya telah dibuat terhadap hutang ragu; dan
- ii) semua nilai buku bagi aset semasa yang berkemungkinan tidak menunjukkan nilai sebenar berdasarkan urusanniaga biasa, telah dibuat pengurangan nilai yang dijangkakan wajar.

Sepanjang pengetahuan Para Pengarah, tidak wujud pada tarikh laporan ini sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- i) jumlah hutang lapuk yang dihapusira atau peruntukan bagi hutang ragu yang tidak mencukupi dengan ketaranya; atau
- ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau
- iii) mana-mana jumlah yang dicatatkan dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; dan
- iv) cara yang wujud untuk menilai aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank yang mengelirukan dan tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi tanggungan, atau akan menjadi perlu ditanggung oleh Kumpulan dan Bank dalam tempoh dua belas bulan akan datang yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin mempunyai kesan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi kewajipan-kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak.

Pada pendapat Para Pengarah, keputusan-keputusan daripada operasi-operasi Kumpulan dan Bank untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau kejadian yang telah berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga mengikut resolusi Para Pengarah.



.....
Dato' Abdul Azim bin Mohd Zabidi
 Pengerusi



.....
Tajuddin bin Atan
 Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: **13** MAR 2007

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

ASET	Nota	Kumpulan		Bank	
		2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Wang tunai dan dana jangka pendek	4	1,670,407	1,241,914	1,657,741	1,241,438
Deposit dan peletakan dengan bank dan institusi kewangan lain	5	577,649	338,250	568,424	328,053
Sekuriti pegangan dagangan	6	3,283	-	3,283	-
Sekuriti sedia dijual	7	1,149,189	1,434,919	1,148,948	1,434,025
Sekuriti pegangan matang	8	6,071,703	6,057,255	5,981,547	6,057,255
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	9	5,052,071	3,641,995	5,052,071	3,641,995
Lain-lain aset	11	117,752	233,292	97,977	233,938
Cukai boleh pulih		14,056	9,543	14,171	9,310
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	12	-	-	466,123	436,388
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	13	10,695	97,141	609	609
Lain-lain pelaburan		-	1,036	-	-
Hartanah, loji dan peralatan	14	273,736	325,249	268,918	325,008
Pajakan prabayar	15	58,558	56,452	58,558	56,452
Hartanah pelaburan	16	25,335	-	25,335	-
Muhibah	17	-	236	-	-
Jumlah Aset		15,024,434	13,437,282	15,343,705	13,764,471
LIABILITI DAN RIZAB					
Deposit daripada pelanggan	18	13,438,655	12,745,317	13,438,655	12,745,317
Deposit dan peletakan daripada bank dan institusi kewangan lain	19	379,207	339,870	379,207	339,870
Pinjaman daripada institusi	20	300,000	300,000	300,000	300,000
Lain-lain liabiliti	21	387,763	266,343	807,877	266,050
Peruntukan zakat	22	856	260	856	260
Cukai tertunda aset dan liabiliti	23	39	-	-	-
Jumlah Liabiliti		14,506,520	13,651,790	14,926,595	13,651,497
Rizab		445,546	(214,508)	417,110	112,974
Kepentingan minoriti		72,368	-	-	-
Jumlah Liabiliti dan Rizab		15,024,434	13,437,282	15,343,705	13,764,471
KOMITMEN DAN KONTINGENSI	38	622,262	538,789	622,262	538,789

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Bank Simpanan Nasional*(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)***PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Hasil	25	756,633	599,176	752,591	596,028
Pendapatan faedah	26	445,078	420,579	444,155	420,554
Tolak: Perbelanjaan faedah	27	(249,995)	(213,883)	(249,995)	(213,883)
Pendapatan faedah bersih		195,083	206,696	194,160	206,671
Pendapatan fi dan komisen	28	75,072	73,477	73,314	73,477
Pendapatan bersih daripada operasi					
Skim Perbankan Islam	45	114,354	27,805	114,354	27,805
Lain-lain pendapatan operasi	29	118,333	(231,417)	116,972	(234,540)
Jumlah pendapatan bersih		502,842	76,561	498,800	73,413
Kos kakitangan	30	(179,635)	(163,055)	(167,031)	(161,791)
Perbelanjaan overhead lain	31	(72,797)	(78,623)	(67,999)	(75,975)
Keuntungan/(Kerugian) operasi					
sebelum peruntukan/rosot nilai		250,410	(165,117)	263,770	(164,353)
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	33	(78,200)	(222,190)	(78,200)	(222,190)
(Rugi)/baik pulih rosot nilai	34	(14,119)	-	(14,384)	351,591
Keuntungan/(kerugian) operasi selepas peruntukan/rosot nilai		158,091	(387,307)	171,186	(34,952)
Dana dari kerajaan	35		390,000	-	390,000
Perkongsian keuntungan/(kerugian) sebelum kepentingan minoriti dalam syarikat bersekutu		10,811	(1,646)	-	-
Untung atas jualan syarikat bersekutu		344,813	-	-	-
Keuntungan sebelum cukai		513,715	1,047	171,186	355,048
Zakat	22	(596)	-	(596)	-
Pencukaian	36	(2,204)	(157)	-	-
Keuntungan bersih tahun semasa		510,915	890	170,590	355,048
Amaun tertahan dalam Bank		517,435	890	170,590	355,048
Kerugian disebabkan oleh kepentingan minoriti		(6,520)	-	-	-
Keuntungan bersih tahun semasa		510,915	890	170,590	355,048

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB YANG DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Kumpulan	Nota	Tidak boleh diagihkan					Boleh diagihkan				
		Dana Kerajaan RM'000	Rizab Modal RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Penilaian Semula RM'000	Dana Takaful RM'000	Pendapatan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan minoriti RM'000	Jumlah ekuiti RM'000	
Pada 1 Januari 2005											
- Seperti dilaporkan sebelumnya	44	100,000	177	-	-	-	(321,278)	(221,101)	-	(221,101)	
- Kesan pemakaian GP8		-	-	5,703	-	-	-	5,703	-	5,703	
		100,000	177	5,703	-	-	(321,278)	(215,398)	-	(215,398)	
Pada 1 Januari 2005, dinyatakan semula											
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	890	890	-	890	
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf tahun semasa		-	-	-	-	-	890	890	-	890	
		100,000	177	5,703	-	-	(320,388)	(214,508)	-	(214,508)	
<i>Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan, selepas cukai</i>											
Untung bersih diiktiraf dalam ekuiti		-	(177)	131,775	-1,771	-	-	1,771	-	1,771	
Keuntungan tahun semasa		-	-	-	-	-	517,435	517,435	-	517,435	
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf tahun semasa		-	(177)	131,775	1,771	9,250	517,435	660,054	72,368	732,442	
		100,000	-	137,478	1,771	9,250	197,047	445,546	72,368	517,914	

Nota 24

Bank Simpanan Nasional
(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB YANG DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

Bank	Nota	Tidak boleh diagihkan				Boleh diagihkan			Jumlah RM'000
		Dana Kerajaan RM'000	Rizab Modal RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Penilaian Semula RM'000	Dana Takaful RM'000	Pendapatan Tertahan RM'000		
	Pada 1 Januari 2005								
	- Seperti dilaporkan sebelumnya	100,000	-	-	-	-	(347,777)	(247,777)	
	- Kesan pemakaian GP8	-	-	5,703	-	-	-	5,703	
		100,000	-	5,703	-	-	(347,777)	(242,074)	
	Pada 1 Januari 2005, dinyatakan semula								
	Keuntungan tahun semasa	-	-	-	-	-	355,048	355,048	
	Jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf tahun semasa	-	-	-	-	-	355,048	355,048	
	Pada 31 Disember 2005, dinyatakan semula	100,000	-	5,703	-	-	7,271	112,974	
	<i>Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan, selepas cukai</i>	-	-	-	1,771	-	-	1,771	
	Untung bersih diiktiraf dalam ekuiti	-	-	131,775	-	-	-	131,775	
	Keuntungan tahun semasa	-	-	-	-	-	170,590	170,590	
	Jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf tahun semasa	-	-	131,775	1,771	-	170,590	304,136	
	Pada 31 Disember 2006	100,000	-	137,478	1,771	-	177,861	417,110	

Bank Simpanan Nasional*(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)***PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN OLEH) AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Keuntungan sebelum cukai zakat & kepentingan minoriti	513,715	1,047	171,186	355,048
Pelarasan:				
• Pelunasan premium bersih	20,111	14,408	20,111	14,408
• Caj susutnilai	31,360	30,188	30,418	30,061
• Rugi atas rosot nilai hartanah, loji dan peralatan	14,119	-	14,119	-
• Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	16	2,487	16	2,487
• Keuntungan atas jualan hartanah, loji dan peralatan	(358)	(918)	(358)	(918)
• Faedah digantung bersih	26,456	25,660	26,456	26,660
• Peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu	128,277	260,412	128,277	260,412
• Peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu di bayar balik	(58,075)	(37,884)	(58,075)	(37,884)
• Peruntukan hutang ragu atas akaun belum terima yang termasuk di dalam lain-lain aset dibayar balik	(359)	-	(359)	-
• Hapuskira/(bayar balik) hutang lapuk	10,098	(338)	10,098	(338)
• Peruntukan rosot nilai sekuriti pelaburan disebutbarga	-	201,975	-	201,975
• Perkongsian (keuntungan)/kerugian dalam syarikat bersekutu	(10,811)	1,646	-	-
• Untung tak nyata penilaian semula sekuriti pegangan dagangan	(140)	-	(140)	-
• Untung tak nyata penilaian semula sekuriti sedia dijual	131,775	-	131,775	-
• Keuntungan bersih atas jualan sekuriti pelaburan	(80,868)	(22,116)	(80,868)	(22,116)
• Kerugian bersih atas jualan sekuriti pelaburan	4,442	106,757	4,442	106,757
• Untung atas jualan syarikat bersekutu	(344,813)	-	-	-
• Pendapatan dividen	(18,820)	(25,738)	(18,820)	(25,738)
• Geran kerajaan diterima	-	(390,000)	-	(390,000)
• Pelunasan muhibah	-	11	-	-
• Hapuskira muhibah	236	-	-	-
Baki di bawa ke hadapan	366,361	167,597	378,278	519,814

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN OLEH) AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Baki di bawa dari hadapan	366,361	167,597	378,278	519,814
Peruntukan rosot nilai pelaburan dalam syarikat subsidiari diambil kira kembali	-	-	265	(351,591)
Rizab penyamaan keuntungan	12,650	(3,053)	12,650	(3,053)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	379,011	164,544	391,193	165,170
(Pertambahan)/pengurangan deposit dan peletakan dengan bank dan institusi kewangan lain	(239,399)	392,084	(240,371)	392,084
Pertambahan pinjaman dan pendahuluan	(1,514,732)	(986,669)	(1,514,732)	(986,669)
Pengurangan/(pertambahan) lain-lain aset	114,835	(5,379)	134,220	(1,807)
Pertambahan deposit daripada pelanggan	501,474	2,033,579	501,474	2,033,579
Pertambahan deposit dan peletakan daripada bank dan institusi kewangan lain	231,201	64,836	231,201	64,836
Pertambahan/(pengurangan) dalam lain-lain liabiliti	121,649	(1,810)	524,691	(1,593)
Tunai (digunakan oleh)/dijana daripada aktiviti operasi	(405,961)	1,661,185	27,676	1,665,600
Cukai dibayar	(16)	(87)	-	-
Tunai bersih (digunakan oleh)/dijana daripada aktiviti operasi	(405,977)	1,661,098	27,676	1,665,600

ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN OLEH) AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN

Hasil perolehan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	397	1,941	397	1,941
Hasil perolehan daripada jualan syarikat bersekutu	440,000	-	-	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(19,201)	(16,532)	(14,547)	(16,430)
Pembelian saham oleh kepentingan minoriti	70,000	-	-	-
Pembelian subsidiari	-	-	(30,000)	-
Belian bersih sekuriti pelaburan	(2,198,230)	(2,471,082)	(2,109,110)	(2,471,082)
Dividen diterima	16,437	22,780	16,437	22,780
Hasil perolehan daripada jualan lain-lain pelaburan	2,525,067	-	2,525,450	-
Tunai bersih dijana daripada (digunakan oleh) aktiviti pelaburan	834,470	(2,462,893)	388,627	(2,462,791)

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)	2006 RM'000	2005 RM'000 (Dinyatakan Semula)
Geran kerajaan diterima	-	250,000	-	250,000
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	-	250,000	-	250,000
PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN)				
BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
PADA 1 JANUARI	1,241,914	1,793,709	1,241,438	1,788,629
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
PADA 31 DISEMBER	1,670,407	1,241,914	1,657,741	1,241,438
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
MEWAKILI:				
Wang tunai dan dana jangka pendek (Nota 4)	1,670,407	1,241,914	1,657,741	1,241,438

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006

MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional telah ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berdomisil di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar dan tempat beroperasi utamanya adalah seperti berikut:

Pejabat berdaftar/Tempat operasi utama:

**Wisma BSN,
117, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur**

Penyata Kewangan yang disatukan pada dan untuk tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah merangkumi Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya (secara bersama dirujuk sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu.

Aktiviti utama Bank ialah menjalankan fungsi-fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman kepada pelanggan-pelanggan termasuk Perbankan Islam.

Tiada sebarang perubahan ketara terhadap kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan melainkan permulaan operasi oleh Prudential BSN Takaful Berhad.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah menerusi mesyuaratnya pada 13 Mac 2007.

1. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi utama Pengurusan Risiko Kewangan Kumpulan secara keseluruhannya adalah untuk mempertahankan modal serta rizab dan meningkatkan keuntungan perniagaan Kumpulan daripada sebarang kesan buruk dari mana-mana peristiwa kerugian yang tidak dapat dielakkan dalam komponen perniagaan Kumpulan menerusi pengurusan risiko yang berkesan. Di sepanjang tahun, struktur pengawasan pengurusan risiko Bank telah dipertingkatkan dengan penubuhan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko di mana, Jabatan Pengurusan Risiko Bank akan melapor terus kepada Jawatankuasa tersebut. Keahlian Jawatankuasa terdiri dari pengarah-pengarah bebas dan bukan eksekutif.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

1. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(a) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merujuk kepada perubahan pendapatan faedah bersih akibat daripada perubahan di dalam paras kadar faedah dan perubahan di dalam komposisi aset dan liabiliti. Risiko kadar faedah diurus dengan menggunakan analisa jurang kepekaan kadar faedah. Objektif pengurusan risiko kadar faedah ialah untuk memastikan Kumpulan mendapat pulangan yang optimum melalui pengurusan strategik yang dibuat selari dengan risiko pendedahan kepada kadar faedah.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian akibat daripada pendapatan dan kerugian prinsipal di dalam bentuk peruntukan tertentu akibat daripada kegagalan peminjam membuat bayaran balik secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kumpulan menangani risiko kredit menerusi penilaian kredit yang baik, analisa keupayaan bayaran balik dan sekuriti serta pengagihan kuasa kelulusan. Objektif pengurusan risiko kredit adalah untuk memastikan aktiviti kredit dilakukan dengan wajar supaya dapat mengurangkan pendedahan kepada risiko.

(c) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah berhubung kait dengan aktiviti untuk memastikan kecukupan kecairan aset bagi membiayai komitmen kewangan dan liabiliti apabila tiba masanya dengan kaedah keberkesanan kos.

Adalah merupakan polisi Kumpulan untuk memastikan kecairan yang mencukupi untuk membiayai dana operasi harian dan untuk memenuhi tanggungan terhadap pendeposit dan peminjam. Risiko kecairan ini dikawal melalui analisa jurang kecairan.

(d) Risiko operasi

Risiko operasi adalah kerugian secara langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada kegagalan proses dalaman, tenaga kerja dan sistem.

Kumpulan telah menetapkan polisi dan prosedur yang berkaitan dengan objektif untuk meminimumkan kerugian daripada risiko operasi.

(e) Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko di mana nilai pelaburan berpendapatan tetap dan ekuiti akan berubah disebabkan oleh perubahan harga pasaran sama ada disebabkan oleh perubahan kadar faedah atau perubahan penarafan bagi pelaburan berpendapatan tetap atau disebabkan oleh faktor yang spesifik kepada syarikat individu atau faktor yang mempengaruhi keseluruhan saham yang didagangkan di pasaran bagi pelaburan ekuiti.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyataan pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut peruntukan di bawah Piawaian Perakaunan MASB yang diluluspakai di Malaysia yang diubahsuai bagi mematuhi perubahan atau pengecualian yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, prinsip-prinsip perakaunan yang diterimapakai di Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, Akta Takaful 1984 dan keperluan-keperluan Syariah bilamana berkaitan.

MASB telah menerbitkan beberapa Piawai Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standard/FRS) yang baru dan yang dikaji semula, berkuatkuasa untuk digunapakai bagi tempoh perakaunan bermula selepas 1 Januari 2006 atau pemakaian awal. Dalam penyata kewangan ini, kumpulan telah memilih untuk pemakaian awal bagi FRS 117 "Leases" dan FRS 124 "Related Party Disclosure" yang berkuatkuasa untuk tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Oktober 2006 dan perubahan kepada FRS 119²⁰⁰⁴, "Employee Benefits: Actuarial Gains and Losses, Group Plans and Disclosures" yang berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007. MASB juga telah menerbitkan FRS 139, "Financial Instruments: Recognition and Measurement" tetapi masih belum mengumumkan tarikh kuatkuasa pemakaian piawaian tersebut. Kumpulan tidak melaksanakan pemakaian FRS 139 dan bersandarkan pengecualian di para 103AB dalam FRS 139, kesan dari pemakaian FRS 139 ke atas penyata kewangan di atas pemakaian pertama piawaian sebagaimana yang dikehendaki oleh para 30(b) dalam FRS 108, "Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors" tidak didedahkan.

Kesan-kesan daripada pemakaian piawaian-piawaian FRS yang baru dan yang dikaji semula dinyatakan di Nota 43.

(b) Asas pengukuran

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali untuk aset dan liabiliti di bawah yang dijelaskan di dalam nota-nota polisi perakaunan yang berkaitan.

- Sekuriti pegangan matang
- Sekuriti sedia dijual

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(c) Fungsi dan pembentangan mata wang

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang di mana Bank beroperasi. Semua maklumat kewangan yang dinyatakan di dalam RM telah dibundarkan kepada ribu yang terhampir, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran-anggaran dan andaian-andaian yang memberi kesan ke atas penggunaan polisi-polisi perakaunan dan amaun-amaun yang dilaporkan untuk aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Hasil sebenar berkemungkinan berbeza dari yang dianggarkan.

Anggaran-anggaran dan asas andaian-andaian adalah dikaji semula secara berterusan. Semakan semula ke atas anggaran-anggaran perakaunan adalah diiktiraf di dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan di dalam sebarang tempoh masa hadapan yang berkaitan.

Secara khususnya, maklumat berkenaan bidang-bidang signifikan bagi anggaran, ketidaktentuan dan pertimbangan kritikal di dalam melaksanakan polisi perakaunan yang mempunyai kesan paling signifikan ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan adalah dijelaskan dalam nota-nota berikut:

- Nota 17 - Pengukuran rosot nilai muhibah
- Nota 23 - Pengiktirafan kerugian cukai dan elaun modal yang belum digunakan
- Nota 33 - Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan
- Nota 38 - Peruntukan dan kontingensi

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan di bawah telah digunapakai secara konsisten untuk semua tempoh-tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan dan telah digunapakai secara konsisten oleh Kumpulan entiti, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Syarikat subsidiari

Subsidiari adalah entiti yang dikawal dan dikuasai oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal kewangan dan dasar operasi sesuatu entiti bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti entiti tersebut. Di dalam menentukan kawalan, hak-hak mengundi yang berpotensi sedia ada yang boleh dilaksanakan adalah diambil kira.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(i) Syarikat subsidiari

Penyata-penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari telah dimasukkan di dalam penyata Kewangan yang disatukan mulai daripada tarikh kawalan bermula sehingga tarikh tamat kawalan. Pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan Bank pada kos tolak kerugian rosot nilai, kecuali pelaburan tersebut dikelaskan sebagai pegangan sedia dijual (atau dimasukkan dalam kategori jualan yang dikelaskan sebagai pegangan sedia dijual).

Kepentingan minoriti pada tarikh Lembaran Imbangan, merupakan sebahagian daripada aset bersih subsidiari yang boleh diagih kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki oleh Bank, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari, adalah dibentangkan di dalam Lembaran Imbangan yang disatukan dan penyata perubahan dalam ekuiti di dalam ekuiti, berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada ekuiti pemegang saham bagi Bank. Kepentingan minoriti yang terhasil dari Kumpulan adalah dibentang di dalam penyata pendapatan yang disatukan sebagai agihan dari jumlah keuntungan atau kerugian tahunan di antara kepentingan minoriti dan pemilik ekuiti Bank.

Di mana kerugian berkaitan dengan minoriti melebihi kepentingan minoriti di dalam ekuiti sesuatu subsidiari, lebihan tersebut dan apa-apa kerugian lanjutan berkaitan dengan minoriti tersebut, adalah dikenakan ke atas kepentingan Kumpulan kecuali sehingga ke tahap di mana minoriti tersebut mempunyai obligasi mengikat untuk, dan boleh, membuat pelaburan tambahan bagi menampung kerugian-kerugian berkenaan. Jika subsidiari tersebut kemudiannya melaporkan keuntungan, kepentingan Kumpulan tersebut diagihkan dengan semua keuntungan sehingga bahagian kerugian yang dialami oleh minoriti yang diserap oleh Kumpulan telah dipulihkan.

(ii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, ke atas dasar kewangan dan dasar operasi entiti tersebut.

Syarikat bersekutu diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan mengikut asas perakaunan kaedah ekuiti kecuali ianya dikategorikan sebagai pegangan sedia dijual (atau dimasukkan dalam kategori jualan sebagai pegangan sedia dijual). Penyata kewangan disatukan telah mengambil kira bahagian milik Kumpulan ke atas pendapatan dan perbelanjaan ekuiti syarikat bersekutu, selepas pelarasan bagi menjajarkan dasar-dasar perakaunan dengan Kumpulan atas polisi perakaunan dengan Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting bermula sehingga tarikh pengaruh penting itu tamat.

Apabila bahagian kerugian untuk Kumpulan melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu, nilai bawaan kepentingan tersebut (termasuk sebarang pelaburan jangka panjang) adalah dirosot nilaikan sehingga sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya adalah dihentikan kecuali sehingga suatu tahap di mana Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(ii) *Syarikat bersekutu* (sambungan)

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu adalah dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan Bank pada kos tolak kerugian rosot nilai, kecuali pelaburan tersebut dikategorikan sebagai pegangan sedia dijual (atau dimasukkan dalam kategori jualan, iaitu sebagai pegangan sedia dijual).

(iii) *Penyingkiran transaksi sewaktu penyatuan*

Baki-baki intra-kumpulan, dan sebarang pendapatan dan perbelanjaan tak nyata yang timbul dari transaksi intra-kumpulan, adalah disingkirkan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan tak nyata yang timbul dari transaksi-transaksi berkaitan dengan ekuiti syarikat yang telah diambil kira dalam Kumpulan adalah disingkirkan daripada pelaburan sehingga ke tahap kepentingan Kumpulan di dalam syarikat tersebut. Kerugian tak nyata adalah disingkirkan menerusi kaedah yang sama seperti keuntungan tak nyata, tetapi hanya sehingga ke tahap tiada bukti ke atas rosot nilai.

(b) Transaksi mata wang asing

Transaksi dalam mata wang asing adalah ditukarkan kepada fungsi mata wang entiti masing-masing di dalam Kumpulan mengikut kadar tukaran pada tarikh transaksi.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan yang berasaskan mata wang asing pada tarikh Lembaran Imbangan adalah ditukarkan mengikut fungsi mata wang pada kadar tukaran pada tarikh tersebut di mana nilai saksama telah ditetapkan. Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula adalah diiktiraf di dalam penyata kewangan.

(c) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk tunai dan baki tunai di bank dan lain-lain institusi kewangan dan peletakan jangka pendek.

(d) Sekuriti

Pelaburan dalam sekuriti oleh Kumpulan dan Bank adalah dikelaskan mengikut kategori di bawah berdasarkan kepada tujuan asal sekuriti diperolehi.

(i) *Sekuriti pegangan dagangan*

Sekuriti adalah dikelaskan sebagai pegangan dagangan sekiranya aset-aset kewangan ini pada dasarnya dibeli untuk mendapatkan manfaat dari perubahan harga jangka pendek sebenar atau unjuran atau untuk mengunci keuntungan arbitraj. Sekuriti pegangan dagangan adalah dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul dari perubahan nilai saksama dan pembatalan pengiktirafan sekuriti pegangan dagangan adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)****(d) Sekuriti (sambungan)****(ii) Sekuriti pegangan matang**

Sekuriti pegangan matang adalah aset-aset kewangan dengan bayaran dan kematangan yang ditetapkan atau boleh ditentukan di mana Kumpulan dan Bank mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Saham tak sebutharga di dalam organisasi-organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan-tujuan sosio-ekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima akibat pengstruktur semula pinjaman atau peralihan pinjaman yang tidak mempunyai sebutharga pasaran di dalam pasaran aktif dan yang mana kebolehpercayaan nilai saksamanya tidak boleh diukur adalah juga dikelaskan sebagai sekuriti pegangan matang.

Sekuriti pegangan matang adalah diukur pada kos pertambahan/pelunasan bersandarkan kaedah pulangan efektif. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan rosot nilai, juga keuntungan atau kerugian yang timbul dari pembatalan pengiktirafan sekuriti pegangan matang adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Sebarang jualan ke atas pengelasan semula sekuriti pegangan matang yang jauh dari tarikh matangnya dan melibatkan amaun yang signifikan akan mengakibatkan pengelasan semula semua sekuriti pegangan matang kepada sekuriti pegangan sedia dijual, dan akan menghalang Kumpulan dan Bank dari mengelaskan jenis sekuriti yang sama sebagai sekuriti pegangan matang untuk tahun semasa dan dua tahun kewangan berikutnya.

(iii) Sekuriti sedia dijual

Sekuriti sedia dijual adalah aset-aset kewangan yang tidak dikelaskan sebagai sekuriti pegangan dagangan atau sekuriti pegangan matang. Sekuriti sedia dijual adalah diukur pada nilai saksama atau pada kos (tolak kerugian rosot nilai) jika kebolehpercayaan nilai saksama tidak boleh diukur. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul dari perubahan nilai saksama adalah diiktiraf terus ke dalam ekuiti melalui penyata perubahan ekuiti, sehingga aset kewangan tersebut dijual, diperolehi, dilupus atau dirosot nilaikan, pada masa keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam ekuiti akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

(e) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah dinyatakan pada kos ditolak sebarang peruntukan untuk pinjaman dan pembiayaan lapuk dan ragu.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(f) Peruntukan hutang lapuk dan ragu

Peruntukan tertentu adalah dibuat untuk pinjaman dan pembiayaan tidak berbayar di mana setiap pinjaman disemak dan dikenalpasti secara khusus sebagai substandard, ragu atau lapuk.

Suatu peruntukan am bersandarkan peratusan atas portfolio pinjaman dan pembiayaan juga dibuat bagi menampung kerugian-kerugian yang berkemungkinan berlaku yang tidak dapat dikenalpasti secara pesifik.

Sesuatu pinjaman dan pembiayaan yang tidak boleh dikutip atau sebahagian dari sesuatu pinjaman dan pembiayaan yang telah dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskira selepas mengambil kira nilai jualan cagaran, jika ada, apabila di dalam penilaian pihak pengurusan, tidak ada potensi untuk pemulihan.

(g) Lain-lain aset

Belum terima adalah pada awalnya diiktiraf pada kos apabila hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain dari entiti lain telah ditetapkan.

Lanjutan dari pengiktirafan awal, belum terima adalah dinyatakan pada kos ditolak peruntukan untuk hutang ragu.

Belum terima adalah dipegang bukan bagi tujuan dagangan.

Hutang lapuk yang dikenalpasti untuk perniagaan Takaful adalah dihapuskira dan peruntukan tertentu dibuat ke atas sebarang baki-baki premium atau insurans semula tertunggak, yang masih tertunggak melebihi dari 6 bulan dari tarikh hutang menjadi belum terima, dan untuk semua hutang-hutang yang dianggap sebagai ragu.

(h) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item-item hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai.

Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan di mana tiada dasar penilaian semula digunapakai

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus kepada perolehan aset tersebut. Kos untuk aset bina sendiri adalah termasuk kos bahan-bahan dan tenaga buruh secara langsung, sebarang kos langsung lain untuk membangunkan aset kepada keadaan boleh digunapakai untuk tujuan asal penggunaannya, dan kos membuka dan membawa keluar item-item dan pemulihan lokasi di mana aset ditempatkan. Pembelian perisian yang merupakan item penting kepada pengoperasian peralatan berkaitan adalah dimodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)****(h) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai (sambungan)****(i) Pengiktirafan dan pengukuran (sambungan)**

Kos hartanah, loji dan peralatan yang diiktiraf hasil dari penyatuan perniagaan adalah berdasarkan kepada nilai saksama pada tarikh perolehan. Nilai saksama harta adalah amaun unjuran yang mana sesuatu harta boleh ditukar pada tarikh penilaian di antara pembeli dan penjual yang rela di dalam suatu urusan niaga tulus selepas pemasaran yang sewajarnya di mana setiap pihak telah bertindak dalam pengetahuannya, berhati-hati dan tanpa paksaan. Nilai saksama lain-lain item untuk loji dan peralatan adalah berdasarkan harga pasaran yang disiarkan untuk item-item yang sama.

Apabila komponen-komponen utama hartanah, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat berbeza, ianya adalah diambil kira sebagai item-item berasingan (komponen utama) dari hartanah, loji dan peralatan.

(ii) Pengelasan semula hartanah pelaburan

Apabila kegunaan suatu hartanah berubah daripada penggunaan pemilik kepada hartanah pelaburan, hartanah tersebut diukur pada kos dan dikelaskan sebagai hartanah pelaburan.

(iii) Kos-kos lanjutan

Kos bagi menggantikan sebahagian komponen dalam hartanah, loji dan peralatan adalah diiktiraf dalam nilai bawaan jika ianya adalah berkemungkinan mengandungi manfaat ekonomi di dalam komponen yang akan mengalir kepada Kumpulan dan kosnya dapat diukur dengan kebolehpercayaan. Kos untuk perkhidmatan harian ke atas hartanah, loji dan peralatan adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan bila mana ianya berlaku.

(iv) Susutnilai

Susutnilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus atas tempoh jangka hayat setiap bahagian dalam item hartanah, loji dan peralatan. Aset-aset pajakan disusutnilaikan atas tempoh pajakan atau jangka hayat, yang mana lebih pendek. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan. Hartanah, loji dan peralatan dalam pembinaan adalah tidak disusutnilaikan sehingga aset-aset berkenaan sedia untuk digunakan.

Jangkaan jangka hayat untuk tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

- Bangunan 50 tahun
- Loji dan peralatan 5 - 7 tahun
- Perabot dan kelengkapan 5 - 7 tahun
- Komponen utama 25 - 30 tahun
- Ubahsuai 7 tahun

Amaun yang boleh disusutnilaikan adalah ditentukan setelah ditolak nilai saraan.

Kaedah-kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai saraan adalah dinilai semula pada tarikh laporan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(i) Rosot nilai aset

Nilai bawaan aset-aset Kumpulan kecuali untuk aset-aset cukai tertunda, aset-aset kewangan (selain dari sekuriti pegangan matang dan pegangan sedia dijual) dan hartanah pelaburan adalah dikaji semula pada setiap tarikh Lembaran Imbangan untuk menentukan samada terdapat apa-apa petunjuk rosot nilai. Sekiranya petunjuk rosot nilai wujud, nilai boleh pulih bagi aset tersebut adalah dianggarkan dan kerugian rosot nilai diiktirafkan di dalam penyata pendapatan. Dasar untuk rosot nilai aset adalah seperti ringkasan di bawah:

(i) Sekuriti pegangan matang

Untuk sekuriti dibawa pada kos pelunasan di mana terdapat bukti objektif untuk rosot nilai, kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan sekuriti dengan nilai kini untuk unjuran aliran tunai terdiskaun pada kadar faedah efektif asal sekuriti berkenaan. Amaun kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Pelarasan lanjutan untuk kerugian rosot nilai diiktiraf apabila pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada sesuatu peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai telah diiktiraf, sehingga ke tahap di mana nilai bawaan sekuriti tidak melebihi kos pelunasannya sekiranya tiada kerugian rosot nilai diiktirafkan. Pelarasan adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Untuk sekuriti yang dibawa pada kos, rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan sekuriti dengan nilai kini unjuran aliran tunai terdiskaun pada kadar pulangan semasa pasaran untuk sekuriti yang sama. Amaun kerugian rosot nilai adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan kerugian rosot nilai berkenaan tidak diselaraskan lanjutan dari pengiktirafannya.

(ii) Sekuriti sedia dijual

Untuk sekuriti sedia dijual di mana terdapat bukti objektif untuk rosot nilai, kerugian rosot nilai terkumpul yang telah diiktirafkan secara terus dalam ekuiti perlu dipindahkan dari ekuiti kepada penyata pendapatan, walaupun sekuriti-sekuriti berkenaan masih belum dilaraskan pengiktirafannya. Kerugian rosot nilai terkumpul adalah diukur sebagai perbezaan di antara kos perolehan (bersih dari pembayaran pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai yang sebelumnya diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Kerugian-kerugian rosot nilai atas pelaburan dalam instrumen-instrumen yang dikelaskan sebagai pegangan sedia dijual, tidak boleh dilaraskan sebaik sahaja ianya diiktiraf. Pembatalan kerugian rosot nilai atas instrumen-instrumen hutang yang dikelaskan sebagai pegangan sedia dijual adalah diiktiraf ke dalam penyata pendapatan jika penambahan dalam nilai saksama boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa berlaku selepas pengiktirafan kerugian rosot nilai di dalam penyata pendapatan.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(i) Rosot nilai aset (sambungan)

(iii) Muhibah

Muhibah yang mempunyai jangka hayat tidak terhad adalah diuji rosot nilainya setiap tahun, atau lebih kerap jika terdapat peristiwa atau perubahan dalam keadaan-keadaan yang menunjukkan tanda bahawa ianya mungkin mengalami rosot nilai. Untuk ujian rosot nilai, muhibah dari penyatuan perniagaan adalah diagihkan kepada Unit Penajaan-Tunai (UPT) yang dijangkakan mendapat manfaat dari sinergi penyatuan perniagaan.

Amaun boleh pulih adalah ditentukan untuk setiap UPT berasaskan nilai dalam kegunaan. Dalam menilai nilai dalam kegunaan, anggaran alir tunai masa depan yang didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa bagi wang dan risiko khusus kepada aset. Kerugian rosot nilai adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila amaun bawaan bagi UPT, merangkumi muhibah, melebihi amaun boleh pulih bagi UPT. Jumlah kerugian rosot nilai adalah diagihkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan muhibah yang telah diagihkan kepada UPT dan kemudiannya, diagihkan untuk aset-aset lain bagi UPT pada asas pro rata.

(iv) Lain-lain aset

Lain-lain aset seperti harta dan peralatan, hartanah dan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu adalah disemak untuk petunjuk objektif bagi rosot nilai pada setiap tarikh Lembaran Imbangan atau bila-bila masa ada petunjuk bahawa aset-aset berkenaan berkemungkinan mengalami rosot nilai. Di mana petunjuk berkenaan wujud, kerugian rosot nilai adalah ditentukan sebagai lebihan nilai bawaan aset atas amaun yang boleh didapatkan kembali (nilai kegunaan atau nilai saksama yang mana lebih besar, ditolak kos jual) dan ianya diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Sebarang pelarasan ke atas kerugian rosot nilai untuk aset-aset berkenaan adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Amaun nilai bawaan ditambah kepada amaun yang boleh didapatkan kembali, tertakluk kepada amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang boleh ditentukan (bersih dari pelunasan atau susutnilai) dengan tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf untuk aset berkenaan dalam tahun sebelumnya.

(j) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang sebagai kepentingan pajakan untuk memperolehi pendapatan dari sewaan atau untuk tambah nilai modal atau untuk kedua-duanya. Ini adalah termasuk tanah yang dipegang yang pada masa ini tidak ditentukan kegunaannya di masa hadapan. Hartanah yang diduduki oleh syarikat-syarikat di bawah Kumpulan adalah diambil kira sebagai untuk diduduki oleh pemilik dan ianya dianggap sebagai hartanah-hartanah pelaburan.

Pemakaian FRS 140, hartanah pelaburan, menyebabkan berlakunya perubahan di dalam polisi perakaunan untuk hartanah pelaburan. Sehingga 31 Disember 2005, Kumpulan telah mengiktiraf hartanah pelaburan dengan menggunakan kaedah kos. Menurut FRS 140, hartanah pelaburan boleh dinilai dengan menggunakan kaedah kos ataupun nilai saksama. Mulai 1 Januari 2006, Kumpulan telah menerima pakai kaedah kos di dalam mengukur hartanah pelaburan.

Hartanah pelaburan adalah dinilai pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai, sejajar dengan polisi perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di dalam polisi-polisi perakaunan berkaitan.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(j) Hartanah pelaburan (sambungan)

Dalam tahun-tahun sebelumnya, semua hartanah pelaburan adalah termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan. Berdasarkan pemakaian FRS 140, hartanah pelaburan kini diklasifikasikan secara berasingan.

Susutnilai dicajkan ke penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus di sepanjang tempoh anggaran hayat kegunaan di antara 25 ke 50 tahun.

(k) Harta milik pajakan/pajakan prabayar

Tanah milik pajakan yang kebiasaannya mempunyai usia guna ekonomi serta hak milik yang tidak terbatas dan tidak dijangkakan untuk diserahkan kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajakan adalah diambil kira sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat ke atas kemasukan atau pemerolehan sesuatu tanah milik pajakan adalah diambil kira sebagai pajakan prabayar yang akan dilunaskan untuk tempoh pajakan bersesuaian dengan bentuk manfaat yang diberikan kecuali tanah milik pajakan yang diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan.

Sebelum ini, Kumpulan telah mengklasifikasikan sesuatu tanah milik pajakan sebagai pajakan kewangan dan telah mengiktiraf amaun pajakan prabayar sebagai hartanah dalam lingkungan hartanah, loji dan peralatan. Pada awal pemakaian FRS 117 Pajakan, Kumpulan mengambil kira pajakan berkenaan sebagai pajakan operasi dengan nilai bawaan yang tidak dilunaskan diklasifikasikan sebagai pajakan prabayar bersesuaian dengan peruntukan peralihan dalam FRS 117.67A.

(l) Muhibah

Muhibah / (muhibah negatif) timbul atas pemerolehan syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan syarikat usaha sama.

Muhibah diukur pada kos dan tidak lagi dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau lebih kerap apabila terdapat bukti secara objektif berlakunya rosot nilai. Apabila lebihan adalah negatif (muhibah negatif), ianya adalah diiktiraf terus ke dalam penyata pendapatan.

Muhibah diagihkan kepada unit penajaan-tunai dan diuji setiap tahun untuk rosot nilai atau lebih kerap jika terdapat peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan yang menunjukkan terdapat kemungkinan berlakunya rosot nilai.

Bagi pelaburan ekuiti yang diakaunkan, nilai bawaan muhibah adalah dimasukkan ke dalam nilai bawaan pelaburan tersebut. Segala amaun nilai bawaan diuji untuk rosot nilai apabila terdapat bukti objektif rosot nilai.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(m) Deposit daripada pelanggan

Deposit dari pelanggan dinyatakan pada nilai peletakan dan diselaraskan untuk faedah terakru.

(n) Pinjaman dari institusi

Pinjaman dari institusi dinyatakan pada nilai kos.

(o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf sekiranya kesan dari kejadian masa lampau, Kumpulan mempunyai tanggungan semasa atau obligasi konstraktif yang boleh dijangkakan dengan pasti, dan berkemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan berkenaan. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaunkan jangkaan aliran tunai masa hadapan pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan keadaan pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko spesifik liabiliti berkenaan.

Liabiliti luar jangka

Sekiranya tidak dapat dipastikan bahawa aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan, ataupun amaun terlibat tidak dapat ditentukan, liabiliti berkenaan akan dilaporkan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian alir keluar manfaat berkenaan adalah tipis. Jangkaan liabiliti di mana kewujudannya hanya boleh ditentukan bergantung kepada sama ada berlaku atau tidak berlakunya sesuatu peristiwa di masa hadapan juga perlu didedahkan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kebarangkalian alir keluar manfaat adalah tipis.

Apabila Bank menyempurnakan kontrak jaminan kewangan untuk menjamin pihak lain dalam Kumpulan yang keberhutangan, Bank perlu mengambil kira ini sebagai pengurusan insurans dan perlu mengakaunkannya. Dalam hal ini, Bank akan mengiktiraf kontrak jaminan ini sebagai liabiliti luar jangka sehingga suatu masa Bank berkemungkinan perlu membuat bayaran bagi jaminan berkenaan.

(p) Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dikira pada awalnya dan keseluruhannya pada nilai kos. Akaun belum bayar diiktiraf apabila terdapat tanggungan kontrak untuk serahan tunai atau lain-lain aset kewangan kepada entiti yang lain.

(q) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan yang diiktiraf dalam Lembaran Imbangan adalah termasuk baki tunai dan bank, sekuriti, pelbagai belum terima, pinjaman dan pendahuluan, pelbagai belum bayar dan deposit daripada pelanggan. Dasar-dasar perakaunan ke atas pengiktirafan dan pengiraan item-item tersebut ditunjukkan di dalam polisi perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Bank mempunyai hak dari segi perundangan untuk mengimbanginya dan berhasrat untuk menyelesaikannya sama ada pada asas nilai bersih atau merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(r) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan faedah diiktirafkan atas dasar akruan.

Apabila sesuatu akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar, pengiktirafan pendapatan faedah akan digantung dan ditarik balik ke hari tunggakan pertama sehingga ianya dijelaskan secara tunai. Akaun pelanggan dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila bayaran balik tertunggak untuk tempoh enam bulan atau lebih bagi semua pinjaman kecuali pinjaman kad kredit yang mana dikelaskan sebagai tak berbayar sekiranya tunggakan bayaran balik telah melebihi tiga bulan.

Polisi penggantungan faedah adalah sejajar dengan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berhubung "Garis Panduan Penggantungan Faedah atas Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Hutang Ragu-BNM/GP3".

Pendapatan dari pelbagai aktiviti Kumpulan dan Bank diakrui mengikut asas yang berikut:

(i) *Pendapatan faedah*

- (a) Pendapatan faedah dari pinjaman sewa beli diiktiraf berdasarkan kaedah 'jumlah digit'.
- (b) Pendapatan faedah pinjaman perumahan dan pinjaman berjangka diiktiraf berdasarkan tempoh baki asas sama ada secara bulanan, suku tahunan atau tahunan.
- (c) Pendapatan faedah daripada sekuriti hutang swasta diiktiraf atas dasar akruan.

(ii) *Pendapatan pelaburan*

- (a) Pertambahan diskaun dan pelunasan premium ke atas sekuriti pelaburan diiktiraf mengikut asas nisbah masa sehingga tarikh matang dengan mengambil kira kadar pulangan efektif ke atas sekuriti pelaburan.

(iii) *Pendapatan dividen*

- (a) Pendapatan dividen daripada syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan lain-lain pelaburan diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima dividen diwujudkan.

(iv) *Pendapatan fi*

- (a) Yuran daripada pelbagai perkhidmatan dan kemudahan kepada pelanggan diiktiraf pada titik permulaan urusan tersebut.

(v) *Pendapatan pembiayaan dan peletakan berasaskan Syariah*

- (a) Pendapatan daripada pembiayaan Bai-Bithamil Ajil diiktiraf atas dasar akruan.
- (b) Pendapatan daripada peletakan dengan institusi kewangan di bawah prinsip Syariah diiktiraf atas dasar akruan.

Bank Simpanan Nasional*(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)***NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006** (sambungan)**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING** (sambungan)**(r) Pengiktirafan pendapatan** (sambungan)**(vi) Komisen**

- (a) Apabila Kumpulan bertindak sebagai ejen dan bukannya prinsipal dalam sesuatu urusan, hasil yang diiktiraf adalah amaun bersih komisen yang dibuat oleh Kumpulan.

(vii) Lain-lain pengiktirafan pendapatan

- (a) Lain-lain faedah dari perniagaan Takaful diiktiraf pada asas perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan efektif aset tersebut.

(s) Rizab penyamaan keuntungan ("PER") untuk Skim Perbankan Islam

Rizab Penyamaan Keuntungan adalah sejumlah amaun yang diperuntukan bagi mengekalkan satu paras pulangan tertentu kepada pendeposit selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia - "Rangka Kerja Kadar Pulangan". Jumlah PER adalah ditolak pada kadar maksimum 15% daripada jumlah pendapatan kasar dan dikekalkan sehingga tahap maksimum 30% dari dana modal Perbankan Islam.

(t) Pengiktirafan faedah, pembiayaan dan perbelanjaan berkaitan

Perbelanjaan faedah dan untung boleh agih (aktiviti berkaitan perniagaan SPI) atas deposit dan pinjaman Kumpulan dan Bank adalah dibelanjakan dan dilibatkan dan diiktiraf pada dasar akruan.

(u) Manfaat pekerja**(i) Manfaat jangka pendek**

Tanggungjawab manfaat jangka pendek pekerja berkaitan gaji, bonus tahunan, cuti berbayar tahunan dan cuti sakit adalah diukur pada asas ketidakpengurangan dan dibelanjakan pada masa perkhidmatan dilaksanakan.

Peruntukan ini diiktiraf bagi amaun yang dijangkakan dibayar di bawah rancangan pelaksanaan bonus tunai atau perkongsian keuntungan jangka pendek, sekiranya Kumpulan mempunyai obligasi semasa atau konstruktif untuk membayar amaun berkenaan sebagai bayaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja pada masa lepas dan tanggungan berkenaan dapat dianggarkan nilainya.

Caruman Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun berkenaan. Apabila sumbangan telah dibayar, Kumpulan tiada lagi tanggungan untuk pembayaran.

(ii) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan akan diiktiraf sebagai belanja apabila Kumpulan adalah komited, tanpa kemungkinan untuk membatalkannya, terhadap perancangan terperinci untuk memberhentikan pekerja sebelum tempoh persaraan normal. Manfaat penamatan secara sukarela akan diiktiraf hanya jika Kumpulan telah membuat tawaran menggalakkan pemberhentian sukarela dan ada kebarangkalian tawaran berkenaan akan diterima dan bilangan yang menerima tawaran berkenaan dapat dianggarkan.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(v) Belanja cukai

Belanja cukai merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Belanja cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali di suatu tahap di mana ia berkaitan dengan item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini, ia akan diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah jangkaan cukai belum bayar ke atas pendapatan bercukai bagi tahun semasa dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh Lembaran Imbangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai belum bayar yang berkaitan dengan tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah Lembaran Imbangan, yang memberikan perbezaan sementara antara amaun bawaan aset dan liabiliti bagi tujuan pelaporan dan amaun yang digunakan bagi tujuan pencukaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi tujuan perbezaan sementara berikut: pengiktirafan muhibah awalan, pengiktirafan aset dan liabiliti awalan dalam urusan yang bukan penggabungan perniagaan dan tidak memberi kesan pada perakaunan ataupun keuntungan bercukai (kerugian cukai). Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangkakan akan digunapakai pada perbezaan sementara apabila ianya dibatalkan, berasaskan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh Lembaran Imbangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara bercukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga suatu peringkat di mana berkemungkinan keuntungan bercukai yang bakal diperolehi di masa hadapan akan wujud dan perbezaan cukai ini boleh direalisasikan. Cukai tertunggak akan dinilai semula pada setiap tempoh pelaporan kewangan dan akan dikurangkan sehingga manfaat cukai berkenaan tidak boleh direalisasikan lagi.

Cukai tambahan yang timbul dari agihan dividen adalah diiktiraf pada masa yang sama liabiliti untuk membayar dividen berkaitan diiktiraf.

(w) Hasil menaja jamin insuran am

Hasil menaja jamin takaful am ditentukan bagi setiap kumpulan perniagaan setelah mengambil kira takaful semula, komisen, sumbangan belum terima dan tuntutan terlibat.

(i) Rizab sumbangan belum terima

Rizab sumbangan belum terima mewakili bahagian sumbangan bersih polisi takaful berkaitan tempoh sijil belum luput pada akhir tempoh kewangan.

Kaedah 1/365 digunakan untuk semua perniagaan Syarikat Takaful Am.

(ii) Peruntukan bagi tuntutan

Liabiliti bagi tuntutan baki belum jelas diiktiraf berkaitan dengan insurans langsung. Amaun tuntutan belum jelas adalah anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan, tolak bayaran balik bagi menjelaskan liabiliti semasa pada tarikh Lembaran Imbangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan, bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan yang dilibatkan tetapi tidak dilaporkan pada tarikh Lembaran Imbangan menggunakan kaedah matematik sebagai jangkaan.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)****(w) Hasil menaja jamin insuran am (sambungan)****(iii) Kos Perolehan**

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans bersih dengan pendapatan dari premium diinsuranskan semula adalah diiktiraf dan diagihkan kepada tempoh di mana berkemungkinan ianya memberi peningkatan pendapatan.

(x) Hasil menaja jamin takaful keluarga

Lebihan yang dipindahkan dari dana insurans nyawa ke penyata pendapatan adalah berasaskan lebihan yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan bagi liabiliti jangka panjang pemegang polisi.

(i) Pendapatan sumbangan

Sumbangan diiktiraf sebaik sahaja amaun sumbangan boleh ditentukan dengan jelas.

Perniagaan berhubung unit

Sumbangan pendapatan pertama adalah ditentukan berdasarkan jangkaan risiko manakala sumbangan seterusnya ditentukan berdasarkan asas tunai. Risiko berikutnya adalah diandaikan berasaskan kepada kecukupan unit-unit bagi pemegang sijil.

(ii) Perbelanjaan komisen dan agensi

Komisen dan perbelanjaan agensi, yang mana adalah kos langsung dilibatkan bagi melindungi sumbangan dalam sijil takaful, pendapatan bersih yang diperolehi dari takaful semula dalam tempoh penyerahan sumbangan untuk pentakafulan semula, akan dicaj kepada akaun pendapatan dalam tempoh ianya berlaku.

(ii) Peruntukan bagi tuntutan

Kos tuntutan dan penjelasan yang dilibatkan dalam tahun kewangan akan diiktiraf apabila kejadian yang boleh mewujudkan tuntutan berlaku dan/atau syarikat insurans diberitahu. ,

Tuntutan dan peruntukan tuntutan yang wujud dari sijil takaful keluarga termasuklah kos penjelasan, adalah diakaunkan menggunakan kaedah asas kejadian dan bagi tujuan ini, manfaat belum bayar bagi sijil takaful keluarga adalah diiktiraf seperti berikut :

- (a) bayaran matang atau lain-lain manfaat takaful yang perlu dibayar pada suatu tarikh tertentu adalah dikira sebagai tuntutan belum bayar pada tarikh matang berkenaan.
- (b) Kematian, penarikan diri dan lain-lain manfaat tanpa tempoh matang adalah diiktiraf sebagai tuntutan belum bayar pada tarikh penerimaan pengesahan kematian pihak yang diinsuranskan atau pada surat pengesahan kejadian kontingensi berlaku.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

4. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Wang tunai dan baki di bank dan institusi kewangan lain	386,199	281,590	373,533	28,115
Wang panggilan, deposit dan peletakan yang matang dalam tempoh sebulan	1,284,208	960,324	1,284,208	960,323
	1,670,407	1,214,914	1,657,741	1,241,438

5. DEPOSIT DAN PELETAKAN DENGAN BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Bank-bank berlesen	388,424	93,993	388,424	85,800
Syarikat-syarikat kewangan berlesen	180,000	-	180,000	-
Institusi kewangan pembangunan	-	234,257	-	232,253
Lain-lain institusi kewangan	9,225	10,000	-	10,000
	577,649	338,250	568,424	328,053

Struktur kematangan deposit dan peletakan dengan bank dan institusi kewangan lain adalah seperti berikut:	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Matang dalam tempoh satu tahun	577,649	338,250	568,424	328,053
	577,649	338,250	568,424	328,053

6. SEKURITI PEGANGAN DAGANGAN	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada nilai saksama				
Sekuriti disebutbarga di Malaysia:				
Saham	3,283	-	3,283	-
Jumlah sekuriti pegangan dagangan	3,283	-	3,283	-

Struktur kematangan sekuriti pegangan dagangan adalah seperti berikut :	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Lebih dari satu tahun	3,283	-	3,283	-
	3,283	-	3,283	-

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

7. SEKURITI SEDIA DI JUAL

Pada nilai saksama

Instrumen Pasaran Wang :

Sekuriti Kerajaan Malaysia	375,730	446,442	375,730	446,442
Bon khazanah	75,348	71,006	75,348	71,006
	<u>451,078</u>	<u>517,448</u>	<u>451,078</u>	<u>517,448</u>

Tolak : Pelunasan premium bersih tolak pertambahan diskaun	(16,685)	(7,690)	(16,685)	(7,690)
---	----------	---------	----------	---------

Untung tak nyata penilaian semula	2,541	5,703	2,541	5,703
	<u>436,934</u>	<u>515,461</u>	<u>436,934</u>	<u>515,461</u>

Sekuriti disebutbarga di Malaysia :

Saham	775,400	1,147,736	775,400	1,147,736
Unit pelaburan amanah	121,548	122,442	121,548	121,548
	<u>896,948</u>	<u>1,270,178</u>	<u>896,948</u>	<u>1,269,284</u>

Sekuriti tak disebutbarga :

Saham	241	-	-	-
	<u>241</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

Tolak : Peruntukan rosot nilai - Saham disebutbarga dan unit amanah di Malaysia	(319,870)	(350,720)	(319,870)	(350,720)
---	-----------	-----------	-----------	-----------

Untung / (rugi) tak nyata penilaian semula	134,936	-	134,936	-
	<u>712,255</u>	<u>919,458</u>	<u>712,014</u>	<u>918,564</u>

Jumlah sekuriti sedia dijual

	<u>1,149,189</u>	<u>1,434,919</u>	<u>1,148,948</u>	<u>1,434,025</u>
--	-------------------------	-------------------------	-------------------------	-------------------------

Struktur kematangan sekuriti sedia dijual adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Matang dalam tempoh setahun	167,197	-	70,233	-
Melebihi setahun	981,992	1,434,919	1,078,715	1,434,025
	<u>1,149,189</u>	<u>1,434,919</u>	<u>1,148,948</u>	<u>1,434,025</u>

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

8. SEKURITI PEGANGAN MATANG	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pada kos pelunasan				
<u>Instrumen Pasaran Wang (Jangka Panjang):</u>				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3,147,256	3,180,145	3,147,256	3,180,145
Bon cagamas	458,500	675,346	458,500	675,346
Cagamas shanadat	151,067	-	151,067	-
Terbitan pelaburan kerajaan Malaysia	269,666	233,882	269,665	233,882
Bon jaminan kerajaan negeri	-	23,519	-	23,519
Sekuriti hutang swasta jaminan kerajaan	-	205,092	-	205,092
Bon khazanah	406,076	413,045	406,076	413,045
Bon KLIA	-	5,912	-	5,912
	<u>4,432,565</u>	<u>4,736,941</u>	<u>4,432,564</u>	<u>4,736,941</u>
<u>Instrumen Pasaran Wang (Jangka Pendek):</u>				
Deposit boleh niaga	240,500	329,000	240,500	329,000
Nota cagamas	34,345	-	34,345	-
Deposit boleh niaga - Islamik	138,152	-	138,152	-
Kertas perdagangan	289,697	256,319	289,697	256,319
Penerimaan jurubank	9,209	-	9,209	-
Bil BNM	27,735	55,874	27,736	55,874
	<u>739,639</u>	<u>641,193</u>	<u>739,639</u>	<u>641,193</u>
<u>Sekuriti tak disebutbarga :</u>				
Saham	2,400	-	-	-
Sekuriti hutang swasta	493,446	253,461	420,326	253,461
Sekuriti hutang islam	444,033	444,163	428,033	444,163
	<u>939,879</u>	<u>697,624</u>	<u>848,359</u>	<u>697,624</u>
Tolak : Pelunasan premium bersih tolak pertambahan diskaun	(39,015)	(18,503)	(39,015)	(18,503)
Tolak : Peruntukan rosot nilai • Saham disebutbarga/ tak disebutbarga dan unit amanah di Malaysia	(1,364)	-	-	-
Jumlah sekuriti pelaburan	<u>6,071,703</u>	<u>6,057,255</u>	<u>5,981,547</u>	<u>6,057,255</u>

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

8. SEKURITI PEGANGAN MATANG (sambungan)

	Kumpulan		Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Struktur kematangan sekuriti pegangan matang adalah seperti berikut:				
Matang dalam tempoh satu tahun	1,416,510	641,193	1,416,510	641,193
Lebih dari satu tahun	4,655,193	5,416,062	4,565,037	5,416,062
	<u>6,071,703</u>	<u>6,057,255</u>	<u>5,981,547</u>	<u>6,057,255</u>

9. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
(i) Mengikut jenis pinjaman		
Pinjaman/pembiayaan berjangka		
Pinjaman/pembiayaan perumahan	2,849,426	1,663,726
Pinjaman persendirian	3,283,899	2,262,905
Pinjaman sewa beli	115,223	162,456
Lain-lain pinjaman/pembiayaan berjangka *	137,502	128,064
Mikro-kredit	429,825	517,129
Pinjaman/pembiayaan kakitangan	159,644	120,860
Kad kredit/caj	50,405	32,593
Kredit pusingan	263,128	264,483
Tolak : faedah/pendapatan belum iktiraf	(1,634,994)	(990,612)
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	5,654,058	4,161,604
Tolak : peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu:		
• Am	(116,289)	(132,185)
• Khusus	(405,835)	(321,333)
Faedah/pendapatan digantung	(79,863)	(66,091)
Jumlah bersih pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	<u>5,052,071</u>	<u>3,641,995</u>

*Termasuk dalam Pinjaman Berjangka Bank adalah Pinjaman Berjangka Subordinat yang diberikan kepada BSNC Coporation (M) Berhad, sebuah syarikat bersekutu bagi jumlah sebanyak RM150 juta dan di mana penyelesaian/penjelasan sebahagian pinjaman tersebut telah dilakukan sebanyak RM90 juta melalui pindahan sebanyak 45 juta unit saham Affin Holdings Berhad pada harga RM2 sesaham dalam tahun 2005. Pengstruktur semula telah dilakukan terhadap baki selebihnya sebanyak RM60 juta pada kadar 2.00% setahun atas baki tahunan dan bayaran balik dilakukan pada setiap sukuan dan ianya akan tamat pada bulan Disember 2010.

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

9. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (sambungan)

	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
(ii) Mengikut golongan pelanggan		
Institusi kewangan bukan perbankan domestik		
• Koperasi	33,303	33,926
Pertubuhan perniagaan domestik		
• Subordinat	59,051	65,956
Individu-individu	5,561,704	4,061,722
	5,654,058	4,161,604
(iii) Mengikut kepekaan kadar faedah/keuntungan		
Kadar tetap		
Pinjaman/pembiayaan perumahan	593,474	287,041
Pinjaman sewa beli	114,630	158,141
Lain-lain pinjaman/pembiayaan	2,649,050	1,599,025
Mikro-kredit	429,824	517,129
Kadar berubah		
Kadar pasaran	1,613,747	828,058
Kos tambah	253,333	772,210
	5,654,058	4,161,604
(iv) Mengikut sektor		
Perkilangan	10,000	10,000
Pembelian hartanah :		
- Kediaman	2,322,274	1,490,689
Perdagangan gudang dan runcit dan restoran dan perhotelan	4,963	4,189
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perdagangan	49,051	55,956
Pembelian sekuriti	8,858	11,015
Pembelian kenderaan	340,553	384,784
Kredit penggunaan	2,488,535	1,687,842
Mikro-kredit	429,824	517,129
	5,654,058	4,161,604

Bank Simpanan Nasional

(Ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2006 (sambungan)

10. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN TIDAK BERBAYAR	Kumpulan/Bank	
	2006 RM'000	2005 RM'000
(i) Pergerakan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak berbayar		
Baki pada 1 Januari	681,964	599,895
Diklasifikasikan sebagai tak berbayar dalam tahun semasa	242,780	233,918
Diklasifikasi balik sebagai berbayar	(258,341)	(149,059)
Amaun dihapuskira	(2,986)	(2,790)
Baki pada 31 Disember	663,417	681,964
Peruntukan khusus	(405,835)	(321,333)
Faedah/pendapatan digantung	(79,863)	(66,091)
Jumlah bersih pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak berbayar	177,719	294,540
Nisbah jumlah bersih pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tidak berbayar ke atas jumlah pinjaman bersih	3.44%	7.80%
(ii) Pergerakan dalam peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu dan faedah/pendapatan digantung		
Peruntukan am		
Baki pada 1 Januari	132,185	66,917
Peruntukan /(dibayar balik) dalam tahun semasa (Nota 33)	(15,896)	65,268
Baki pada 31 Disember	116,289	132,185
% peruntukan ke atas jumlah pinjaman setelah ditolak peruntukan khusus	2.25%	3.50%
Peruntukan khusus		
